

13/12/1999

Najib atur program dekatkan rakyat

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melaksanakan pelbagai program bagi mendekatkan rakyat dengan kementerian berkenaan.

Beliau yang kembali ke kementerian itu selepas bertugas sebagai Menteri Pendidikan, berkata antara usaha yang akan dilakukan ialah meningkatkan kefahaman rakyat mengenai fungsi angkatan tentera, yang melangkaui konteks kestabilan negara dan rantau.

Usaha itu, katanya, akan dilaksanakan dengan anggota tentera sendiri 'turun padang' dan mengadakan pelbagai program yang membabitkan kebajikan rakyat seperti projek jiwa murni dan program rakyat miskin.

"Ramai pihak kurang memahami fungsi ini, termasuk angkatan tentera dan melihatnya hanya dari aspek keselamatan negara.

"Kementerian ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan ia juga mempunyai tugas secara langsung terhadap rakyat, selain dalam konteks keselamatan.

"Ini yang akan saya terapkan dan untuk itu, pelbagai program akan dilaksanakan bagi menjayakan matlamat ini," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Najib kembali ke kementerian berkenaan dalam barisan baru Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Pertahanan pada 1990 sebelum beralih ke Kementerian Pendidikan pada Mei 1995.

(END)